

MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

DEFINISI “PEKERJAAN LUAR”


(SEPERTIMANA TERKANDUNG DI DALAM AKTA 605) TERMASUK:-

- MENGAMBIL BAHAGIAN, SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG, DALAM PENGURUSAN ATAU URUSAN APA APA PENGUSAHAAN KOMERSIL, PERTANIAN ATAU PERINDUSTRIAN;
- MENGUSAHAKAN BAGI MENDAPATKAN UPAH APA-APA KERJA DENGAN MANA-MANA INSTITUSI, SYARIKAT, FIRMA ATAU INDIVIDU PERSENDIRIAN; DAN
- SEBAGAI SEORANG PAKAR, MEMBERIKAN APA-APA LAPORAN ATAU MEMBERIKAN APA-APA KETERANGAN, SAMA ADA SECARA PERCUMA ATAU DIBAYAR UPAH.

CONTOH PEKERJAAN LUAR

BEKERJA SAMBILAN

Guru tuisyen, teksi/grab, berniaga makanan/pakaian, penjual barang secara online dan sebagainya.



MEMILIKI SYARIKAT PERNIAGAAN MILIK SENDIRI/BERKONGSI

Bukan sepenuh masa atau dioperasikan oleh orang lain.




MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN SENDIRI

Bukan sepenuh masa atau dioperasikan oleh orang lain.

PENCERAMAH / PERUNDING

kepada mana-mana agensi/institusi / syarikat berkaitan eksport di luar tugas/jawatan rasmi.



PENCERAMAH JEMPUTAN/ MENGAJAR

separuh masa di agensi / institusi pendidikan

PERATURAN 4, JADUAL KEDUA BAHAGIAN II, AKTA BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURGAJ) 2000 (AKTA 605)

PEKERJAAN LUAR BOLEH DILAKUKAN DENGAN KEBENARAN KETUA JABATAN **DENGAN SYARAT:**

- TIDAK DILAKUKAN DALAM WAKTU PEJABAT DAN SEMASA PEGAWAI ITU DIKEHENDAKI MENJALANKAN TUGAS RASMINYA;
- TIDAK AKAN DENGAN APA-APA CARA KECENDERUNGAN UNTUK MENJEJASKAN KEGUNAAN PEGAWAI ITU SEBAGAI SEORANG PEGAWAI BADAN BERKANUN;
- TIDAK AKAN DENGAN APA-APA CARA KECENDERUNGAN UNTUK BERGANGGAH DENGAN KEPENTINGAN JABATAN ATAU MENJADI TIDAK KONSISTEN DENGAN KEDUDUKAN PEGAWAI ITU SEBAGAI SEORANG PEGAWAI BADAN BERKANUN;
- TIDAK MENGGUNAKAN PERALATAN DAN KEMUDAHAN PEJABAT UNTUK KEPENTINGAN PEKERJAAN LUAR.